

## Laman maya bukan platform raih populariti

**KETIKA** tumpuan dunia Islam terarah kepada ibadah wukuf terbesar di Arafah yang dilaksanakan semasa era pandemik Covid-19, negara pula dikejutkan dengan penyebaran video berdurasi 54

# Makin ramai jatuh miskin, sakit mental

saat yang menunjukkan seorang wanita bertudung dan memakai baju kurung serta mendakwa dirinya telah menghafaz 15 juzuk al-Quran tidak semena-mena menanggalkan baju kurung dan tudungnya.

Lebih mengecewakan, perbuatan wanita tersebut mendapat sorakan dan gelak tawa dalam kalangan penonton di sebuah kelab komedi.

Kejadian tersebut yang dipercayai berlaku di kelab di sekitar Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur menimbulkan kemarahan dan kecaman ramai pihak.

Dalam pada itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan telah menahan reman wanita berkenaan selama tiga hari untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Semanganya kita tidak dapat menafikan kuasa tular amat berkuasa pada masa sekarang.

Beberapa minggu lalu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) berjaya mengambil tindakan terhadap seorang wanita penjual air buah yang berkelakuan tidak senonoh melibatkan pelanggan dan pekerja di sebuah kedai makan di Setiu.

Rupa-rupanya, wanita berkenaan sebelum ini pernah dipanggil ke pejabat JHEAT untuk diambil tindakan dan diberikan nasihat.

Wanita itu berjanji tidak akan mengulangi kesalahannya, malangnya dia masih melakukan perbuatan yang sama.

Sebelum itu tular di media sosial video berdurasi 34 saat yang memaparkan beberapa pelanggan tanpa segan silu memeluk seorang pekerja wanita di sebuah kedai makan.

Mungkin sudah sampai masa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melipatgandakan usaha memerangi 'jenayah maya' yang semakin berleluasa.

Langkah tersebut penting agar orang ramai tidak menyalah guna media sosial untuk mempromosi perbuatan tidak bermoral. Kita tidak mahu ia menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat.

Ingatlah, jenayah besar selalunya bermula dengan jenayah kecil.

Janganlah sosial media dan ruang maya menjadi platform untuk meraih perhatian serta populariti yang 'singkat'.



## ANALISIS MUKA 16

ARNEY SYEMA ANUA

**D**ua tahun berlalu, pandemik Covid-19 masih 'menakluki' sistem kehidupan manusia hingga merencatkan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia.

Bertambah buruk, konflik berterusan Rusia-Ukraine telah menjejaskan rantaian bekalan makanan sehingga menyumbang kepada kadar inflasi terburuk dan kemelesetan ekonomi global.

Malaysia turut terkesan. Harga barang terus melambung tinggi mengundang beban kepada rakyat jelata, yang turut menyaksikan peningkatan kos sara hidup.

Bayangkan jika 10 tahun lalu dengan wang RM100, kita boleh membeli beberapa barangan keperluan di pasar raya, namun kini keadaannya telah berubah walaupun dengan nilai wang yang sama.

Ironinya, dalam tempoh 10 tahun itu juga gaji dan pendapatan rakyat tidak banyak berubah, sedangkan kos sara hidup naik 'meroket' sehingga ramai mula jatuh miskin.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, paras kemiskinan negara bertambah melebihi 230,000 isi rumah dengan Sabah, Kelantan dan Terengganu dicatatkan sebagai negeri yang mempunyai kadar pendapatan terendah pada 2020.

Lebih membimbangkan apabila 20 peratus kumpulan isi rumah M40 yang mempunyai pendapatan antara RM4,850 hingga RM10,959 telah beralih kepada B40, manakala 12.8 peratus golongan T20 yang mempunyai

pendapatan RM15,000 ke atas bertukar status kepada M40.

Peratusan penurunan pendapatan isi rumah B40 dan M40 lebih besar berbanding T20, masing-masing 15.9 dan 36.9 peratus pada 2020 berbanding 16 dan 37.2 peratus pada 2019.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini menggesa MPN peringkat negeri dibentuk segera bagi melancarkan usaha memulihkan ekonomi bagi mengatasi isu tersebut.

Beliau berkata, jika tidak diberi tumpuan segera akan memberikan kesan besar, antaranya pertambahan kadar kemiskinan.

Bukan sahaja di Malaysia, malah kebanyakan negara membangun sedang mengalami situasi sama. Menurut laporan yang dikeluarkan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), peningkatan kadar inflasi menyebabkan 71 juta orang di negara membangun terjerumus ke dalam kancah kemiskinan sejak Mac 2022.

Laporan tersebut turut menjelaskan kenaikan harga itu membuatkan kebanyakan orang di seluruh dunia yang sebelum ini mampu beli makanan untuk sehari kini tidak lagi berdaya berbuat demikian.

Krisis kos sara hidup membawa berjuta-juta orang ke kancah kemiskinan dan kelaparan, selain ancaman pergolakan sosial meningkat dari hari ke hari.

Bukan hanya bergelut untuk hidup, realitinya di Malaysia semakin ramai rakyat mengalami masalah kesihatan mental. Menerusi Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, berlaku trend peningkatan jumlah pesakit yang datang mendapatkan rawatan doktor.

Sebelum pandemik, statistik NHMS 2019 menunjukkan kira-kira

2.3 peratus rakyat Malaysia atau setengah juta orang mengalami gejala kemurungan. Majoriti individu terkesan adalah daripada golongan B40 (2.7 peratus), diikuti M40 (1.7 peratus) dan T20 (0.5 peratus).

Statistik NHMS pada 2019 pula mendedahkan satu per tiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas berdepan masalah mental.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjelaskan separuh (50 peratus) daripada masalah gangguan mental bermula seawal usia 14 tahun dan tiga perempat daripadanya berlaku pada pertengahan usia 20-an.

Setiausaha Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Dr Firdaus Abdul Gani berkata, bilangan pesakit yang datang mendapatkan rawatan bagi masalah kesihatan mental sejak pandemik melanda sehingga kini meningkat terutama melibatkan kes kemurungan dan keresahan.

Kajian dalam talian melibatkan 1,554 penduduk Malaysia yang disiarkan '*Clinical Epidemiology and Global Health*' pada Oktober 2021 mendapati 70 peratus responden mengalami gejala murung sederhana dan teruk selepas gelombang ketiga Covid-19 di negara ini.

Tidak mustahil dengan masalah ekonomi dan krisis kos sara hidup yang berterusan akan menyumbang kepada peningkatan kes penyakit mental. Bukan sahaja cenderung ke arah tingkah laku bunuh diri, malah tahap ketidakmampuan menanggung beban perasaan membawa kepada situasi jauh lebih serius.

Kerajaan tidak seharusnya 'memekakkan telinga' dan 'membutakan mata' terhadap isu yang berlaku, sebaliknya perlu memandang serius isu kesihatan mental serta tekanan emosi rakyat Malaysia kerana ia memberi pelbagai kesan buruk kepada negara.